

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾


# 09 PEMIKIR MUDA DIYAKINI LONJAK KECEMERLANGAN APR USM



PULAU PINANG, 9 April 2015 – Universiti Sains Malaysia (USM) disifatkan mempunyai masa hadapan yang cemerlang dan mampu merealisasikan transformasi pendidikan tinggi dengan adanya suntikan idea dari pemikir muda.

Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman berkata, beliau mempunyai keyakinan tinggi terhadap kemampuan para pemikir muda untuk melakar perancangan masa hadapan universiti yang lebih cemerlang dan tersohor.

Katanya, USM perlu lebih proaktif untuk merencanakan masa depan dan dalam konteks ini daya pemikiran generasi muda ditagih bagi mengeluarkan idea baru yang segar dan bersesuaian dengan strategi lautan biru.



``Selaras dengan pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia-Pengajian Tinggi (PPPM-PT) baru-baru ini, Universiti perlu lebih signifikan bagi memacu pembangunan negara berteraskan kepada pendidikan.

``Selaras dengan itu, di bawah Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (APEX), kita telah membangunkan pelbagai agenda yang menyokong usaha untuk memacu kecemerlangan masa hadapan," katanya.



Beliau berkata demikian ketika ditemui sempena sesi pembentangan Strategic Thinker for USM Future di sini hari ini.

Turut hadir ke program tersebut ialah Timbalan Naib Canselor (TNC) Penyelidikan dan Inovasi, Profesor Dato' Dr. Muhamad Jantan dan TNC Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat, Profesor Dato' Dr. See Ching Mey.

Mengulas program yang julung kali diperkenalkan itu, beliau berkata, lebih 50 staf muda diimpunkan bagi membincangkan idea-idea baru yang boleh membantu dalam menggerakkan perancangan masa depan Universiti.

``Secara keseluruhan saya amat berpuas hati dan kagum dengan percambahan idea-idea baru yang dicetuskan oleh para peserta. Ia sekaligus membuktikan bahawa matlamat APEX kini makin membuaahkan kejayaan.

``APEX telah berjaya dimanifestasikan dalam kalangan warga USM dan jika melihat dari aspek nilai, APEX juga berjaya membudayakan kecemerlangan dalam kalangan ahli-ahli akademik dan pentadbir," ujarnya.

Omar juga berkata, daya pemikiran dan kematangan pemikir muda dalam mempersemprehankan idea futuristik memberikan satu petanda bahawa Universiti berada pada landasan kecemerlangan serta menuju masa hadapan cerah.

Dalam pada itu, Strategic Thinker for USM Future berperanan sebagai platform untuk para peserta berbincang dan membentangkan idea untuk perkongsian, meliputi tujuh perkara yang dilihat menjadi tonggak Universiti masa hadapan.

Fokus perbincangan meliputi aspek kelestarian kewangan, penyelidikan, pembangunan sumber manusia, akademik, potensi bidang perubatan, perpindahan ilmu serta pembangunan pelajar. Teks: Marziana Mohamed Alias / Foto: Mohd Fairus Md Isa

G+1

Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>)

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015